



**PERSAMAAN IDEOLOGI RADIKAL ISLAM DI MALAYSIA DALAM KUMPULAN  
JEMAAH ISLAMIYAH, KUMPULAN MILITAN MALAYSIA DAN ISLAMIC  
STATE (DAESH)**

**[THE SIMILARITY OF RADICAL ISLAMIC IDEOLOGY BETWEEN THE  
MALAYSIAN GROUPS OF JEMAAH ISLAMIYAH, KUMPULAN MILITAN  
MALAYSIA AND ISLAMIC STATE (DAESH)]**

\*Siti Zubaidah Abu Bakar, Azura Muhammed Kifli & Kamaruzaman Yusoff

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor,  
Malaysia.

\*Corresponding author: sitizubaidah.ab75@gmail.com

**ABSTRAK**

*Gerakan radikal Islam telah bertapak lama di Malaysia. Jemaah Islamiyah (JI) dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) adalah dua kumpulan radikal Islam yang sangat bahaya dan berpengaruh suatu ketika dahulu. Walaupun telah diharamkan oleh kerajaan, namun ideologi salafi jihadi yang diperjuangkan mempunyai persamaan dengan gerakan militan Islamic State (Daesh) yang pada hari ini dilihat sebagai cabaran utama bukan sahaja bagi Malaysia malah juga seluruh dunia. Berdasarkan situasi tersebut, artikel ini disediakan dengan objektif untuk meninjau kesinambungan persamaan ideologi antara JI, KMM dan Daesh di Malaysia. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berpendekatan sosiologi sejarah dengan dapatan data dibuat menerusi tinjauan kepustakaan dan analisis dokumen. Dapatan kajian merumuskan bahawa terdapat lima elemen persamaan dalam kesinambungan ideologi kumpulan gerakan radikal tersebut. Walaubagaimanapun, pembaharuan yang signifikan telah dilancarkan oleh Daesh sehingga membawa kepada ancaman keselamatan yang lebih ekstrem. Justeru, artikel ini diharap membantu pihak Kerajaan dalam memahami ideologi gerakan radikal Islam seterusnya menggubal mekanisme khusus sebagai langkah pro aktif dalam menangani ancamannya yang semakin membimbangkan dewasa ini.*

**Kata Kunci:** Daesh, ideologi, Jemaah Islamiyah, Kumpulan Militan Malaysia, radikal Islam

**ABSTRACT**

*Islamic radical movement has a long-established history in Malaysia. Jemaah Islamiyah (JI) and Kumpulan Militan Malaysia (KMM) were the most dangerous groups. Although they had been banned by the government, the similarity of their salafi jihadi ideology with the current movement of Islamic State (Daesh) is seen as a major security challenge to the nationwide including Malaysia. Therefore, the objective of this article is to examine the continuity of ideological similarities between JI, KMM and Daesh. This research is qualitative and it employs historical sociology approach. The main data were generated through library research and document analysis. The article concludes that there are five element of similarities in continuity of the ideology among those movements. Also, there is*

*significant radical evolution of Daesh ideological movement contributing to the extreme violence. This article is hoped to help Malaysian Government in understanding the ideology of radical Islamic movements and formulate pro active mechanism to minimize the threats imposed by Daesh.*

**Keywords:** Daesh, ideology, Jemaah Islamiyah, Kumpulan Militan Malaysia, radical Islam

## 1.0 PENGENALAN

Kemunculan ideologi radikal Islam di Malaysia bukan suatu fenomena baru. Sejarah negara membuktikan bahawa sejak merdeka, pelbagai kebangkitan rakyat muncul mengisi landskap politik dan keselamatan negara. Atas pelbagai faktor, sama ada dalaman mahupun pengaruh gerakan Islam di negara-negara luar, gerakan-gerakan radikal Islam di Malaysia ini muncul atas tujuan yang hampir sama iaitu bagi menegakkan syariat Islam dengan pendekatan jihad bagi mendirikan sebuah negara Islam sebenar.

Menurut Polis Di Raja Malaysia (PDRM), 13 Kumpulan Ekstremis Agama telah dikenalpasti di Malaysia sejak tahun 1960an. Ia meliputi Tentera Sabilullah, Koperasi Angkatan Revolusi Islam Malaysia (KARIM), Kumpulan Crypto, Kumpulan Mohd Nasir Ismail, Kumpulan Revolusi Islam Ibrahim Libya, Kumpulan Jundullah (Tentera Allah), Kumpulan Mujahiddin Kedah (KMK), Kumpulan Perjuangan Islam Perak (KPIP), Pertubuhan Persaudaraan Ilmu Dalaman Al-Maunah, Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Kumpulan Al-Arqam/Syarikat Rufaqa Corporation (SRC)/Global Ikhwan Sdn Bhd (GISB), Darul Islam (DI) dan Jemaah Islamiah (JI) (Polis Di Raja Malaysia, 2016b). Walaupun kesemua kumpulan ini telah diharamkan oleh Kerajaan dan tindakan perundangan telah diambil terhadap ahli-ahlinya pada tahun 2001 dan 2002, namun dapatan terkini mengenai kebangkitan gerakan Islam yang lebih kritikal mula dikenalpasti. Permulaan konflik di Syria pada tahun 2011 telah menggamit penyertaan sebahagian kecil rakyat Malaysia pada ketika itu untuk turut berjuang, dan ini menjadi titik tolak kembali merencanakan gerakan radikal Islam ini. Kumpulan Tanzim Al-Qaeda Malaysia dan kumpulan-kumpulan militan yang pro kepada perjuangan *Islamic State* (Daesh) dikenalpasti termasuklah antaranya kumpulan Revolusi Islam, Briged Khalid al Walid, *Daulah Islam Malizia* dan Kumpulan *Fisabillah* (El-Muhammady, 2016). Ancaman-ancaman ini dipercayai berkembang pesat berkesinambungan dari ideologi perjuangan radikal yang wujud terdahulu khususnya JI dan KMM.

JI atau nama sebenarnya *Al Jama'ah Al Islamiyah* ditubuhkan pada 1993 selepas pemimpinnya Abdullah Sungkar dan Abu Bakar Basyir berpecah dari *Darul Islam* (DI) di Indonesia (Polis Di Raja Malaysia, 2016a). Penghijrahan beliau ke Malaysia bertujuan untuk meneruskan perjuangan menubuhkan negara Islam menerusi pendekatan jihad menentang musuh-musuh Islam. Melalui usrah-usrah yang dijalankan, JI berjaya merekrut ramai penyokong tempatan sehingga membentuk struktur organisasi yang kukuh dan bercita-cita menggagaskan empayar *Daulah Islamiyah Nusantara*. Hubungan baik antara Abdullah Sungkar dan pemimpin Al Qaeda, Osama Ben Laden juga menjadikan dokongan kuat kepada kumpulan JI ini di dalam usaha menangani musuh-musuh Islam dan sekutu-sekutunya di peringkat serantau. Antara warga tempatan yang radikal lahir dari perjuangan JI ini termasuklah Azhari Husin, Nordin Mat Top dan Wan Min Wan Mat. Walaupun tidak lagi dikesan di Malaysia, kumpulan ini dipercayai masih terus berjuang di Indonesia dan kini dipercayai melahirkan perjuangan baru dipanggil Neo JI (Ramakrishna, 2016). Manakala Kumpulan Militan Malaysia (KMM) pula adalah suatu kumpulan radikal yang lebih bersifat *homegrown*. KMM ditubuhkan pada tahun 1995 oleh Zainon bin Ismail atau Cikgu Non, seorang warga tempatan dan kemudiannya dipimpin oleh Nik Adli Nik Aziz yang bergerak secara tidak langsung dibawah

pengaruh kepemimpinan politik pembangkang PAS pada ketika itu. Kumpulan ini diwujudkan bertujuan mengumpulkan bekas-bekas pejuang Malaysia di Afghanistan bagi melahirkan sentimen jihad dalam usaha mengekang kerajaan zalim di Malaysia seterusnya menubuhkan sebuah negara Islam. Matlamat KMM ini hampir sama dengan perjuangan JI dalam mewujudkan Daulah Islamiyah Nusantara yang berkhilafah (Polis Di Raja Malaysia, 2005). KMM mempunyai hubungan yang rapat dengan JI serta sekutu-sekutunya serta berkongsi nilai perjuangan yang sama walaupun dengan pendekatan yang berbeza.

Kedua-dua kumpulan ini telah diharamkan oleh Kerajaan Malaysia dan hampir sebahagian besar ahlinya telah ditangkap dan diambil tindakan perundangan. Walaupun Kerajaan telah melumpuhkan gerakan ini namun tidak dinafikan kemungkinan penyatuan semula ahli-ahlinya kerana terdapat sebahagian kecil pengikutnya yang melarikan diri ke luar negara bagi mengelak ditangkap oleh Kerajaan Malaysia (Mohd Mizan, 2009b). Berdasarkan situasi terkini ada antara bekas ahlinya yang mula bergiat secara sulit dan menyertai perjuangan di Syria dan Iraq. Kerajaan juga turut mengesahkan bahawa terdapat enam bekas tahanan ISA yang kembali menceburkan diri di dalam aktiviti radikal ini termasuk antaranya menyertai Daesh (El-Muhammady, 2016). Mereka antaranya bekas ahli JI seperti Zid Saharani bin Mohd Esa dan bekas ahli KMM seperti Yazid bin Sufaat, Mohd Lotfi bin Ariffin, Zainan bin Harith, dan Zainuri bin Kamaruddin (Jabatan Perdana Menteri, 2014).

Daesh atau juga dikenali dengan beberapa nama lain seperti Islamic State (IS), Islamic State of Iraq and Syria (ISIS), Islamic State of Iraq and the Levant (ISIL) dan Ad Dawla Al Islamiyyah Fil Iraq Wa Ash Sham adalah sebuah pertubuhan radikal agama di peringkat antarabangsa yang menular bukan hanya di negara asalnya Iraq dan Syria serta rantau AB, malah juga ke negara luar termasuk di rantau Asia Tenggara dan Malaysia khususnya. Ia ditubuhkan pada tahun 2003 oleh Abu Mus'ab al-Zarqawi bertujuan untuk mewujudkan sebuah negara Islam berkhilafah menerusi perjuangan bersenjata. Bernaung di peringkat awal dengan Tanzim Al-Qaeda, Abu Mus'ab al-Zarqawi menerusi kumpulannya Al-Qaeda in Iraq (AQI) telah mula bertindak lebih lantang dan bertentangan dengan prinsip Al-Qaeda sendiri. Daesh kemudian keluar dari sekutu Al-Qaeda dan mengisytiharkan lantikan Abu Bakar Al Baghdadi sebagai khalifah Daesh pada tahun 2012. Di Malaysia, pengaruh Daesh dikesan mulai menular pada Februari 2013 menerusi tangkapan tiga orang pesalah Daesh oleh pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) (Polis Di Raja Malaysia, 2017).


Timbul persoalan bahawa bagaimanakah Daesh sebagai sebuah perjuangan yang bermula di negara asing dengan mudah telah berjaya menarik pesona dan sokongan rakyat Malaysia. Justeru, artikel ini akan mengupas persamaan dari kesinambungan ideologi yang terdapat di dalam ketiga-tiga kumpulan radikal ini, JI, KMM dan Daesh yang memberi implikasi kepada keselamatan negara pada hari ini.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dimana sumber didapati menerusi kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Kajian dikupas dengan kaedah sosiologi sejarah (*historical sosiologi*) di mana gabungan pendekatan sosiologi dengan metod sejarah adalah sesuai bagi menjelaskan fenomena umat Islam yang lebih global (Kuntowijoyo, 1993).

### 3.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN: PERSAMAAN ELEMEN IDEOLOGI RADIKAL ISLAM DALAM GERAKAN JI, KMM DAN DAESH

Kajian ini akan membincangkan persamaan yang terdapat di dalam ideologi kumpulan radikal Islam di Malaysia, khususnya JI, KMM dan Daesh. Menurut El-Muhammady (2016), terdapat lima elemen utama yang perlu diperhalusi di dalam memahami struktur ideologi sesuatu kumpulan radikal iaitu tauhid, baiah, hijrah, jihad dan *Daulah Islamiyah*. Berdasarkan lima elemen dalam struktur ini, kajian ini mengadaptasikannya ke dalam gerakan radikal yang tersebut.



Rajah 1: Elemen Penyelewangan Konsep-konsep Islam dalam Ideologi JI, KMM dan Daesh. (El-Muhammady, 2016)

#### 3.1 Tauhid

Secara umumnya, berdasarkan Rajah 1 di atas, ketiga-tiga kumpulan ini mengimani konsep Tauhid mengikut arus perdana yang menjadi pegangan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* (ASWJ). Mereka meyakini bahawa sebagai makhluk, manusia wajib beriman kepada Allah SWT dan berpegang teguh dengan apa yang disarankan di dalam Al-Quran dan As-Sunnah. Namun, terdapat penambahan satu cabang di dalam tauhid yang menjadi pegangan golongan radikal ini yang dipanggil *Tauhid Hakimiyah* yang asalnya dibahaskan oleh Syed Qutb dan telah diolah semula oleh Muhammad Abdulssalam Faraj di dalam bukunya *Al Faridhah Al Ghaibah* (Kewajiban yang hilang) pada tahun 1980. Mereka yang berpegang kepada tauhid ini percaya bahawa kedaulatan politik adalah milik Allah SWT sepenuhnya dan manusia tidak berhak mencampuri undang-undang kehidupan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Justeru penerapan syariat Islam di dalam hukum pemerintahan adalah wajib diaplikasi di dalam konteks pengurusan sesebuah negara (Solahudin, 2011).

Bersandarkan *Tauhid Hakimiyah* ini, kumpulan radikal Islam mengimani bahawa hukum berjihad adalah fardhu ain khususnya perjuangan memerangi kepemimpinan yang murtad. Mereka berpandangan bahawa memerangi pemimpin Islam yang murtad adalah lebih utama dari memerangi kepemimpinan *kafir harbi*. Bagi memerangi *kafir harbi* pula, ia menekankan bahawa masyarakat hari ini semakin melupakan kekuasaan dan hukum Allah justeru hukum yang bertentangan dengan hukum Allah, iaitu hukum Barat tidak boleh dibiarkan berkuasa dan perlu diperangi. Golongan ini berpegang pada dalil dari Surah An Nas: 1-3 yang maksudnya,

“Katakanlah (Wahai Muhammad) bahawa aku berlindung dari Tuhan Manusia” sebagai menggambarkan konsep *Tauhid Rubbubiyah*. Ayat kedua bermaksud “Raja Manusia” menerangkan konsep *Tauhid Hakimiyah* iaitu raja yang menghakimi manusia dan ayat ketiga bermaksud “Sembahan Manusia” yang dikatakan menerangkan konsep *Ilah* atau *Tauhid Uluhiyah* (Daud, 1998, p. 22).

Selain itu, *Tauhid Al Hakimiyah* menggariskan asas kalimah Tauhid, *La ilaha illa Allah* (tiada tuhan melainkan Allah) di mana ia bermaksud menolak sebarang penyembahan tuhan-tuhan yang tidak sebenar (*la ilah*) dan mengakui keesaan Allah swt (*illa Allah*). Justeru, terdapat dua konteks yang dipisahkan oleh tauhid ini, iaitu wujudnya *al wala'* bermaksud kesetiaan dan *al bara'* bermaksud permusuhan atau penafian. Definisi ini dijelaskan oleh Al-Qahthani bahawa *wala'* sebagai tetap dan setia kepada Allah swt, kitabNya, NabiNya, sunnah NabiNya serta pedoman hamba-hambaNya yang soleh manakala *bara'* sebagai menjauhi dan memusuhi apa yang taghut dan menyembah selain Allah SWT (Al-Qahthani, 2013). Di dalam konteks negara Islam, beliau berpandangan bahawa umat Islam telah dijajah oleh kaum lain yang membawa amalan *wala' jahili* dan membawa masuk sentimen nasionalisme, sekularisme dan pelbagai pemikiran doktrin kebangsaan lain sehingga memesongkan *aqidah al wala' wal bara'* ini serta menyumbang kepada amalan taghut (Al-Qahthani, 2013).

Pengikut JI sangat patuh kepada konsep *al wala'* di mana setiap ahli wajib memberi ketaatan kepada Allah SWT, Rasulullah SAW serta orang-orang yang beriman (Nasir, 2006). Perkara ini turut diamalkan oleh ahli KMM yang sememangnya sangat dipengaruhi oleh JI kerana mereka banyak menghadiri usrah-usrah yang dikendalikan oleh kepimpinan JI (Mohd Mizan, 2009a). Sememangnya JI dan KMM dipengaruhi oleh ideologi dan pemikiran yang dikembangkan kesan perjuangan di Afghanistan serta perjuangan Al-Qaeda. Prinsip ini juga kemudiannya turut diperakui pengikut Daesh sebagaimana dinyatakan dengan jelas di dalam majalah rasminya *Dabiq, The Law of Allah and The Law of Men* (Dabiq, 2015). Dalam menghuraikan *al bara'* pula, Daesh menjatuhkan hukum *takfiri* bagi pemimpin negara yang tidak mematuhi perundangan syariah sebagaimana ditekankan oleh pemimpinnya Abu Bakar Al-Baghdadi. Daesh berpandangan perundangan selain syariah seperti demokrasi dan republik misalnya adalah amalan negara taghut dan pemerintahannya dihukumkan kufur, terbatal Islamnya dan wajib dibunuh (Mazlee et al., 2016). Kelantangan Daesh disiarkan di klip-klip video menyeru pengikutnya secara terbuka untuk menyerang pemimpin dan kerajaan taghut sebagaimana dilakukan oleh salah seorang ahli Daesh, Mohd Rafi Udin, yang juga bekas pejuang KMM sebagaimana petikan di *Youtube* seperti berikut:

*Bunuhlah mereka di mana sahaja yang anda jumpa, jika anda ada kereta, langgarlah mereka. Gunakalah senjata dan pisau untuk tikam terus dada mereka.*

*Kepada anda yang ada di Bukit Aman, anda tidak lagi aman. Kami bersedia untuk sembelih anda. Apabila kami datang, rakan-rakan kami di negara ini juga akan memburu anda habis-habisan.*

Sebenarnya, konsep *takfiri* ini telah wujud sejak beberapa abad terdahulu. Mengikut sejarah *Ash Shahwah al Islamiyah* (Gerakan Kebangkitan Islam), kumpulan aliran *takfiri* ini muncul apabila sebahagian golongan muda melihat kezaliman pemerintah terhadap rakyat dan para ulama' yang mengetahuinya hanya mendiamkan diri, antaranya seperti gerakan *Takfir wal hijrah* (*mengkafirkan dan menjauhi*) di Mesir (As-Suri, 2009). Ada pandangan mengatakan bahawa ia lahir berdasarkan pandangan Sayid Qutb yang juga merupakan pendokong Ikhwanul Muslimin (Zulkarnain & Nordin, 2013). Demikian juga sebahagian berpandangan bahawa kebangkitan *Takfir wal hijrah* ini berlaku di dalam gelombang kedua perjuangan IM pada tahun

1960an dan sebahagian ahlinya yang masih muda mula membina kefahaman yang radikal terhadap penulisan Syed Qutb (Ashour, 2009). Antara tokoh yang mengembangkan konsep *takfiri* ini termasuklah Ayman al-Zawahiri dan Abu Muhammad al-Maqdisi selepas pembunuhan Syed Qutb. Justeru secara dasarnya fahaman ini telah dibawa oleh Ayman al-Zawahiri semasa menyertai perang di Afghanistan dan berjuang bersama-sama kumpulan Al Qaeda.

Selain itu, akibat dari kejahilan agama, golongan ini banyak menjatuhkan hukum *takfiri* dengan berlandaskan kepada Al Quran yang diterjemahkan secara langsung. Antara yang popular termasuklah pegangan mereka terhadap Surah At Taubah: 5, yang bermaksud, “barangsiapa yang tidak mengkafirkan orang kafir, maka dia telah kafir” dan Surah At Taubah: 36 yang bermaksud,

*Sesungguhnya bilangan bulan pada sisi Allah adalah dua belas bulan, dalam ketetapan Allah di waktu Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan haram. Itulah (ketetapan) agama yang lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan yang empat itu, dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana merekapun memerangi kamu semuanya, dan ketahuilah bahawa Allah beserta orang-orang yang bertakwa.*

Kedua-dua ayat di atas dikenali sebagai *ayatus saif* (ayat pedang) kerana telah menghukumkan perang ke atas orang kafir. Golongan *takfiri* percaya bahawa *ayatus saif* ini telah menghapuskan kesemua 120 ayat tentang jihad di dalam Al Quran yang terdahulu (Solahudin, 2011).

Kesimpulannya, ketiga-tiga perjuangan ini telah membuat tafsiran baru di dalam pemahaman tauhid sehingga melahirkan konsep-konsep yang *rigid*, tertutup dan keterlaluan. Berdasarkan konsep *takfiri* ini, kumpulan radikal Islam akan menghukum kafir sesiapa yang tidak sehaluan dengan perjuangan mereka dan kerajaan yang tidak melaksanakan *tauhid hakimiyah* dikira syirik dan boleh diperangi. Ia kemudian diterjemahkan ke dalam tindakan peperangan yang merosakkan.

### 3.2 Baiah

Berdasarkan Rajah 1 juga menunjukkan bahawa elemen persamaan kedua yang dikongsikan oleh ketiga-tiga kumpulan ini adalah elemen baiah atau proses mengangkat sumpah yang menandakan kemasukkan ahli di dalam kumpulan-kumpulan tersebut. Baiah merupakan proses wajib yang mesti dilalui oleh kesemua ahli baru di dalam ketiga-tiga kumpulan radikal ini yang kebiasaannya dilakukan antara ahli baru dengan *amir* (ketua) kumpulan ataupun wakil *amir* yang dilantik.

Keahlian ahli baiah secara umumnya mengikut kriteria yang ditetapkan oleh kumpulan radikal tersebut. Ji membuka keahliannya kepada pengikut setia sesi usrah yang dijalankan di surau dan madrasah kelolaannya dan keahlian KMM di peringkat awal pula adalah di kalangan bekas-bekas pejuang semasa perang di Afghanistan. Manakala Daesh membuka keahliannya secara besar-besaran, tidak *rigid* kepada penduduk di Syria dan Iraq mahupun di Asia Barat (AB), sebaliknya terbuka kepada umat Islam di seluruh dunia. Propaganda bagi menarik sokongan ramai ini dijalankan menerusi pelbagai modus operandi selari globalisasi hari ini khususnya menerusi media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Youtube* dan *Twitter* di mana ia telah menaikkan keahlian dan sokongan mendadak kepada gerakan ini. Dianggarkan pada

pertengahan 2015, jumlah pejuang asing melebihi 25,000 orang dengan penyertaan dari 100 buah negara dan angka ini dijangka meningkat dari semasa ke semasa (Samuel, 2016).

Dari sudut lafaz baiah, berikut merupakan petikan baiah yang dilafazkan oleh ahli baru JI:

*Amir: "Wajib ke atas anda untuk memenuhi janji Allah dan MitsaqNya, iaitu hendaklah anda berwala' kepada orang yang berwala' kepada Allah dan RasulNya, dan hendaklah anda memusuhi orang yang memusuhi Allah dan RasulNya, dan hendaklah anda saling bantu membantu di atas kebenaran dan ketaqwaan, dan janganlah anda saling bantu-membantu dalam (urusan) dosa dan permusuhan. Dan apabila kebenaran ada bersama ku (Amir Jamaah) maka hendaklah anda membantu kebenaran itu dan sekiranya aku diatas kebatilan maka janganlah anda membantu kebatilan itu."*

*Ahli baru : "Aku menerima baiah ini semampu ku"*

(Nasir, 2006, p. 100).

Manakala bagi ahli KMM pula, baiah dilakukan secara mengangkat tangan beramai-ramai dengan melafazkan akad baiah seperti berikut - "Saya berjanji akan meneruskan perjuangan jihad ini sehingga gugur sebagai syuhada", atau:

*Demi Allah kami berikrar akan mematuhi segala arahan dan tidak akan membuka rahsia kumpulan dan tidak akan berpaling tadah dari kebenaran sehingga tertegak sebuah negara Islam atau gugur syahid.*

(Polis Di Raja Malaysia, 2005, p. 17).

Walaupun bagaimanapun, berbeza dengan lafaz baiah JI dan KMM, baiah Daesh adalah tidak dirangka di dalam teks khusus kerana seruan berbaiah adalah umum dan meluas. Berbeza juga dengan istilah ketua yang dipanggil *amir* di dalam JI dan KMM, Daesh memberi perjanjian taat setia kepada khalifah sebagai ikatan perjanjian yang membenarkan masyarakat Islam yang tidak dapat berhijrah ke 'negara Islam Daesh' bertindak sebagai agen penyebaran ideologi serta manifestasi terhadap tindakan kekerasan untuk dilaksanakan di negara masing-masing. Seruan baiah oleh Daesh telah dinyatakan di dalam *Dabiq, The Flood* (Dabiq, 2014a, p. 3):

*Jika kamu tidak dapat berhijrah atas alasan tertentu, maka hendaklah kamu melaksanakan baiah (perjanjian taat setia) kepada Khalifah Ibrahim. Sebarkan baiah tersebut seberapa banyak yang mungkin. Kumpulkan umat Islam di masjid, pusat dan organisasi Islam sebagai contoh dan lakukan pengumuman baiah secara terbuka. Rakam dan sebarkan baiah tersebut menerusi apa jua media termasuk internet. Semoga dengan baiah ini akan dapat meninggalkan umat Islam daripada sikap berpuak-puak dan menyatukan umat Islam demi taat setia kepada Khalifah Ibrahim.*

Berdasarkan ketiga-tiga cara ini, ternyata Daesh lebih terbuka dan bersesuaian dengan perkembangan teknologi komunikasi pada hari ini sekaligus membolehkan ruang lingkup sebaran pengaruhnya terbuka luas, bukan sahaja di rantau AB malah sehingga ke seluruh dunia. Baiah Daesh memberi kesan komitmen yang kuat daripada ahli sama ada untuk menyokong secara langsung seperti berjihad di medan peperangan mahupun secara tidak langsung seperti membayar yuran keahlian dan sokongan *sympathizer* di mana mereka hanya perlu bersetuju dan menyokong sesuatu sentimen, ideologi, pemikiran, pendirian dan perjuangan Daesh.

Secara kesimpulannya, bai'ah merupakan manifestasi yang melambangkan ketaatsetiaan ahli baru sesuatu kumpulan radikal dan menjadi elemen wajib sebelum keahliannya diberi kepercayaan untuk meneruskan perjuangan kumpulan. Terdapat beberapa persamaan di antara bai'ah JI dan KMM. Pertama bahawa kedua-dua kumpulan ini menjalankan proses bai'ah secara rahsia dan tidak terang-terangan dan hal ini berbeza dengan bai'ah Daesh di mana mereka diseru melaksanakan bai'ah dan menyebarkan bai'ah tersebut melalui media sosial. Kedua, JI dan KMM membenarkan ahlinya untuk berbai'ah secara terus kepada *amir* atau wakil *amir* kumpulan dan ini berbeza dengan Daesh bahawa bai'ah adalah ikrar rasmi antara ahli dan pemimpin Daesh iaitu Abu Bakar Al Baghdadi sahaja. Ketiga, bahawa JI dan KMM melaksanakan proses bai'ah secara berhadapan antara *amir* dan ahlinya. Hal ini berbeza dengan Daesh di mana proses berbai'ah boleh dilakukan secara berdepan (*offline*) mahupun secara atas talian (*online*).

### 3.3 Hijrah

Selepas selesai berbai'ah, gerakan radikal ini mendesak pengikutnya untuk berhijrah sebagaimana dinyatakan di dalam Rajah 1. *Tauhid Al Hakimiyah* telah membezakan pembentukan politik negara kepada dua jenis iaitu *Darul Islam* (Kerajaan Islam) yang ahli masyarakatnya terdiri dari calon ahli syurga dan *Darul Harb* (Kerajaan yang diperangi/ kafir) yang rakyatnya merupakan calon ahli neraka. Penekanan kepada konsep hijrah dikaitkan dengan pendirian sesebuah kerajaan dimana sebagai umat Islam, mereka wajib memastikan berada di bawah pemerintahan kerajaan yang mengamalkan syariat Islam iaitu *Darul Islam* (Singh & Abdul Munir, 2015). Justeru dituntut di kalangan penyokong radikal agar berhijrah dan langkah seterusnya untuk mendirikan negara bersyariat Islam dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Di dalam JI, penghijrahan Abdullah Sungkar dan Abu Bakar Basyir dari Indonesia ke Malaysia digambarkan sebagai bukan melarikan diri dari ketidakadilan pemerintah Indonesia, tetapi suatu proses penghijrahan. Mereka yang pada ketika itu masih bersama DI telah mengikut pandangan Kartosuwirjo yang menekankan konsep hijrah Rasulullah ke tempat yang selamat bagi tujuan menyediakan diri untuk kembali melawan musuh (Solahudin, 2011). Mereka mendakwa bahawa umat Islam dituntut melarikan diri dari musuh Islam, sebagaimana yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW semasa berhijrah dari Mekah ke Madinah (Singh, 2007). Justeru, di dalam konteks JI, hijrah adalah berbentuk perpindahan fizikal ke kawasan yang selamat demi mempertahankan perjuangan dan membuat persediaan menentang lawan. Manakala konsep hijrah di dalam KMM pula tidak berbentuk penghijrahan fizikal, tetapi berbentuk penghijrahan dari kepimpinan yang sekular kepada kepimpinan bertunjangkan Islam (Polis Di Raja Malaysia, 2005). Konsep hijrah ini menekankan kepentingan perpindahan dari perkara-perkara yang mungkar dan kembali ke jalan Allah (Mohd Mizan, 2009b). Bagi tujuan menegakkan sebuah negara *Islam kaffah* (menyeluruh), pendekatan politik telah digunakan dan KMM cenderung untuk menyokong kepimpinan Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan berhasrat menjadikan ia sebagai platform penghijrahan kepimpinan kerajaan semasa menerusi pilihanraya.

Berbanding kedua-dua kumpulan ini, Daesh pula lebih lantang di dalam mendefinisikan konsep hijrah di mana seluruh umat Islam diwajibkan untuk berhijrah ke negara Islam ciptaan Daesh di Iraq dan Syria. Daesh percaya bahawa pada akhir zaman nanti hanya orang-orang yang soleh sahaja akan berada di Iraq dan Syria bagi menghadapi peperangan besar *al Malhamah al-Qubra* dalam menentang orang-orang kafir dan juga *Dajjal al-Maseh*. Berbanding fahaman JI dan KMM mengenai hijrah dari *Darul Harb* ke *Darul Islam*, Daesh

menuntut umat Islam yang juga telah berada di *Darul Islam* agar berhijrah ke ‘Negara Islam Daesh @ *Islamic State*’ yang merupakan negara Islam tunggal yang melaksanakan perundangan syariah, yang sekaligus tidak mengiktiraf negara-negara dunia Islam lainnya. Seruan ini dinyatakan di dalam *Dabiq, The Return of Khilafah*:

*Bahawa Amirul-Mu'min berkata, umat Islam kini telah terbahagi kepada dua kem iaitu yang menganuti Islam dan beriktikad terhadap agamanya manakala kem yang kedua adalah mereka yang kufur dan hipokrit yang bersekutu dengan golongan kafir pimpinan AS dan Russia. Oleh itu, bersegeralah ke negeri kamu. Bergegaslah kerana Syria bukan untuk rakyat Syria dan Iraq bukan untuk rakyat Iraq. Sesungguhnya dunia ini adalah milik Allah s.w.t. Negeri dan tanah ini adalah untuk seluruh umat Islam. Maka, sesiapa sahaja Muslim yang mampu melaksanakan hijrah ke negeri Islam, bersegeralah kerana sesungguhnya hijrah itu adalah satu kewajiban buat umat Islam*

(Dabiq, 2014b, p. 10).

Hakikatnya, secara tidak langsung konsep hijrah oleh Daesh ini juga merupakan strategi Daesh dalam meningkatkan sokongan dan keahlian serta perkongsian kemahiran dari segi ketenteraan khususnya dari luar negara rantau Arab yang dapat dimanfaatkan untuk tujuan kekuatan Daesh itu sendiri (Uberman & Shay, 2016). Justeru, dapat dirumuskan bahawa ketiga-tiga kumpulan ini telah menekankan konsep hijrah di dalam perjuangan mereka namun diterjemahkan di dalam sudut pandang yang berbeza mengikut kepentingan perjuangan kumpulan masing-masing.

### 3.4 Jihad

Merujuk Rajah 1 juga, jihad merupakan seruan paling penting dan puncak kegerunan dunia luar terhadap gerakan radikal Islam. Secara umumnya, ketiga-tiga gerakan radikal ini memegang ideologi jihad yang digabungkan dengan fahaman salafi, serta dikenali sebagai nama ideologi *salafi jihadi* menjadi dan mengikut kesesuaian dan konteks perjuangan mereka.

Perkataan *salafi* sebenarnya merujuk kepada aliran *ahli salaf* yang wujud pada abad ke empat hijrah di mana penganutnya patuh kepada ajaran para sahabat Rasulullah SAW, *tabi'in* dan *tabi' tabi'in*. Menurut al-Buthi, perkataan *salaf* merujuk kepada kumpulan yang hidup pada kurun ketiga terawal sejarah Islam yang bebas daripada sebarang bentuk penyelewengan akidah (Al-Buthi, 2005). Konsep *salafiyah* ini pada dasarnya ingin menjadikan generasi awal Islam sebagai rujukan utama dalam mewujudkan peradaban Islam namun begitu konsep ini telah terpesong dan menyimpang dari prinsip sebenar apabila mengangkat ianya sebagai satu aliran mazhab baru khusus bagi golongan tertentu yang mendakwa menjadi pengikut kepada ulama tertentu seperti Ibnu Taimiyyah dan Muhammad Ibn Abdul Wahab (Zulkarnain & Nordin, 2013). Istilah *salafi* juga digunakan oleh golongan Wahabi dengan merujuk beberapa ajaran ulama' seperti Ibnu Taimiyah, Ibnu Qayyim al Jauziyyah dan Muhammad Ibn Abdul Wahab (Mohd Hizam & Zamihan, 2016).

Manakala istilah *jihadi* pula dibawa oleh Abdullah Azzam selaku pelopor Al Qaeda yang menekankan konsep jihad hanya dapat dilaksanakan melalui peperangan atau turut dipanggil sebagai *jihad qital* (Azzam, 1990). Selaku tokoh radikal moden yang berjuang di dalam peperangan menentang Soviet Union di Afghanistan sekitar tahun 1980an, Abdullah Azzam bertanggungjawab menyebarkan fahaman *salafi jihadi* sehingga menjadi pegangan majoriti kumpulan radikal Islam. Insiden pengeboman Masjid Istiqlal di Jakarta pada tahun 1999,

pengeboman 11 bandar di Indonesia petang sambutan Krismas pada tahun 2000, pengeboman gereja di Jakarta pada tahun 2001 (Singh, 2007), pengeboman di Bali pada tahun 2002, pengeboman Hotel Marriott dan Ritsz-Carlton pada tahun 2009 menjadi bukti pegangan ideologi ini di kalangan ahli JI.

Ji secara umumnya memegang konsep *jihad fi sabilillah* (jihad pada jalan Allah) iaitu melaksanakan hukum Allah SWT berdasarkan pengetahuan dan kemahiran demi kepentingan agama, masyarakat dan negara. Ia sebenarnya bukanlah perjuangan menerusi kerosakan awam dan pembunuhan kejam. Hal ini sebagaimana digariskan di dalam buku panduan organisasi JI, Pedoman Umum Perjuangan Al Jamaah Al Islamiyah (PUPJI) (Nasir, 2006) bahawa pegangan JI adalah berpandukan berfahaman *ahli sunnah wal jamaah minhajis salafus soleh* dan seruan mengembalikan ajaran Islam diterjemahkan sebagai *dakwah wal jihad* (Zulkarnain & Nordin, 2013). Pengikut JI dipengaruhi ideologi *salafi jihadi* ini menerusi pemimpinnya Abdullah Sungkar dan Abu Bakar Basyir yang pernah belajar dengan Abdullah Azzam semasa mereka berkunjung ke Afghanistan ketika masih berada bersama DI. Hubungan antara JI dan Al Qaeda mula terjalin apabila mereka dibawa bertemu Abdullah Azzam dan Osama ben Laden serta menjalinkan kerjasama dua hala khususnya menerusi aktiviti ketenteraan.

Selain JI, KMM turut berpegang kepada ideologi yang sama berikutan hubungan langsung antara kedua-dua kumpulan. JI yang menganggap Malaysia sebagai bukan negara Islam kerana mengamalkan demokrasi yang dibawa oleh Barat telah turut mendoktrinasi ahli-ahli KMM supaya bersedia untuk berperang menegakkan negara Islam menerusi *jihad qital*. Ideologi ini disampaikan menerusi usrah yang dijalankan oleh JI, antaranya kepada ahli-ahli KMM sebagaimana hubungan akrab antara keduanya telah diketahui umum (Mohd Mizan, 2009a). Perkaitan JI dan KMM juga dikatakan kukuh kerana kefahaman spiritual yang sama terhadap ideologi *salafi jihadi* ini (Kamarulnizam, 2009). Keganasan KMM terserlah menerusi beberapa siri ancaman militan seperti pembunuhan Joe Fernandez yang dikatakan mengkristiankan umat Islam di Kulim pada tahun 2000, letupan kuil Hindu berhampiran Hentian Bas Puduraya pada tahun 2000, rompakan Hong Leong Bank di Petaling Jaya pada tahun 2000 dan serangan Balai Polis Guar Chempedak pada tahun 2001 bagi tujuan mengumpul dana dan kelengkapan senjata perang (Polis Di Raja Malaysia, 2005).

Pendekatan *jihad qital* dianuti bukan sahaja oleh JI dan KMM yang mempunyai hubungan langsung dengan Al Qaeda, malah juga Daesh yang menjenamakannya semula sebagai jihad global bagi memberikan impak yang lebih besar, keganasan dan kerosakan yang lebih serius dan kekuatan penyokong yang lebih meyakinkan. Bagi Daesh, umat Islam perlu mempertahankan maruah mereka dari musuh Islam dan kerajaan taghut dan ini dipanggil jihad defensif, manakala Daesh juga menyeru pengikutnya berjuang melakukan jihad ke atas orang-orang musyrik dan amalan-amalan bidaah dan jihad ini dikenali sebagai jihad ofensif.

Namun, berbeza dengan penyokong JI dan KMM yang lebih bersifat konservatif iaitu menyokong perjuangan menerusi peperangan fizikal, penyokong Daesh pada hari ini memmanifestasikan sumbangan jihad mereka menerusi pelbagai bentuk. Pertama, sumbangan kepada sokongan ideologi yang berlaku menerusi sesi percambahan ilmu, perbincangan dan perdebatan. Kedua menerusi sokongan kewangan seperti memberikan dana atau mengumpulkan dana untuk kemudahan penyokong ke Syria. Ketiga menerusi sokongan perjuangan (*sympatizer*) yang berjuang menerusi media sosial seperti menekan butang *like* atau *retweet* dan *sharing* bagi maklumat-maklumat berkaitan Daesh dan terakhir menerusi sokongan penglibatan secara terus yang pergi berjuang sebagai *foreign terrorist fighters* (FTF), pengebom berani mati, menjadi isteri pejuang dan pelbagai sumbangan di lapangan peperangan (El-Muhammady, 2016).

Secara kesimpulannya, walaupun terdapat berbezaan dari sudut kefahaman, kaedah perjuangan dan sumbangan, ternyata jihad adalah antara kunci utama yang memberi kekuatan kepada kumpulan-kumpulan radikal Islam sehingga salah faham ke atas konsep jihad sebenar dalam Islam serta menimbulkan ketakutan atau *Islamophobia* di kalangan masyarakat antarabangsa lainnya.

### 3.5 Daulah Islamiyah

Elemen terakhir di dalam persamaan ideologi ketiga-tiga kumpulan ini sebagaimana dijelaskan di dalam Rajah 1 adalah pembentukan negara Islam atau *Daulah Islamiyah*. Matlamat akhir perjuangan ketiga-tiga kumpulan radikal Islam di Malaysia ini adalah bagi mendirikan sebuah negara Islam sama ada ia bersifat tempatan di peringkat awalnya sebagaimana diperjuangkan oleh KMM, mahupun bersifat serantau sebagaimana yang diperjuangkan oleh JI melibatkan negara-negara jiran di rantau Asia Tenggara (AT) atau lebih jauh lagi bersifat antarabangsa sebagaimana diperkenalkan oleh Daesh. Manakala pendekatan yang akan digunakan di dalam merealisasikan hasrat ini adalah menerusi peperangan. Justeru, kesemua ahli radikal ini diberi bimbingan dan latihan ketenteraan, menggunakan peralatan senjata serta berusaha mengumpul dana bagi tujuan melancarkan serangan.

KMM pada awal penubuhannya berhasrat mendirikan Kerajaan Islam di Malaysia dengan menyokong dan melindungi kepentingan PAS bagi memastikan syariat Islam dapat dilaksanakan menerusi undian pilihanraya yang berpihak kepada parti tersebut. Namun, seiring masa dan hubungan yang terjalin dengan JI, KMM telah menyusun strategi penubuhan *Daulah Islamiyah* Nusantara meliputi Indonesia, Malaysia dan Mindanao, berdasarkan kepada empat tahap yang terancang dan dilaksanakan secara bekerjasama dengan kumpulan di Indonesia menerusi huru hara, kekacauan dan rampasan kuasa (Polis Di Raja Malaysia, 2005). Manakala JI pula mempunyai matlamat untuk mendirikan *Daulah Islamiyah* yang lebih besar merangkumi Malaysia, Indonesia, selatan Filipina, Singapura, Brunei dan Australia (Kamarulnizam, 2009). Seperti KMM juga, rancangan ini disusun mengikut tiga fasa, pertama fasa jihad tempatan di mana kumpulan DI di Indonesia sebagai punca asas JI melaksanakan kempen penubuhan Negara Islam Indonesia (NII). Fasa kedua ialah fasa jihad serantau di mana JI melaksanakan kempen ke arah penubuhan negara Khalifah Islam di AT. Manakala fasa terakhir adalah fasa jihad global yang mana fasa ini secara langsung menghubungkan JI dan Al-Qaeda. Di dalam fasa ini, JI akan bertindak sebagai membantu Al-Qaeda dalam memerangani semua musuh Islam seperti Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya (Gunaratna, 2005).

Namun, seperti biasa bahawa pendekatan Daesh adalah lebih kontemporari. Selari dengan kecanggihan globalisasi dunia, hasrat negara Islam yang digagaskan oleh Daesh lebih komprehensif, meluas dan ekstrem. Seperti kumpulan radikal lain yang menekankan konsep khalifah yang bakal menerajui negara Islam, Daesh mendefinisikan negara Islam sebagai '*Islamic State*' yang berasalnya di Iraq dan Syria dan kini berkembang dengan meluas tanpa sempadan demi menegakkan hukum Allah. Abu Bakar Al-Baghdadi mengumumkan dirinya sebagai khalifah bagi 'negara Islam' ini dan mewajibkan kesemua umat Islam di dunia memberikan taat setia serta melaksanakan setiap arahan khalifah. Negara Islam Daesh tidak terikat dengan mana-mana bangsa mahupun sempadan geografi kerana Islam itu sendiri adalah sebuah sistem keagamaan yang sejagat (Rosiny, 2014). Bagi mengimarahkan penubuhan Negara Islam Daesh ini, kumpulan ini berusaha meningkatkan sokongan meluas menerusi kumpulan-kumpulan bersekutu di serata dunia yang diikat menerusi baiah. Di Asia Timur, tanpa struktur organisasi yang khusus kecuali sel-sel kecil yang dibentuk, Daesh menggunakan

beberapa strategi termasuklah penguasaan ke atas wilayah selain Iraq dan Syria, melakukan serangan ke atas negara asing menerusi pengeboman dan serangan berani mati di luar wilayah penguasaan Daesh sebagai suatu pendekatan gerak saraf perang saraf kepada dunia bagi menunjukkan kekuatan ketenteraan Daesh dan menimbulkan ketakutan kepada masyarakat dunia.

Dapat dirumuskan bahawa matlamat akhir ketiga-tiga kumpulan radikal ini adalah untuk menubuhkan sebuah negara Islam yang pada awalnya hanya di peringkat tempatan dan *regional* namun seiring masa, spektrumnya diperluaskan kepada global. Selain matlamat dan visi, strategi yang digunakan juga turut ditambah baik dengan memasukkan elemen ‘perang saraf’ iaitu serangan berbentuk pengeboman dan serangan berani mati di luar zon konflik sebagai pelengkap kepada strategi peperangan di zon-zon konflik bagi memastikan penguasaan wilayah serta secara tidak langsung dapat menyebarkan ideologi dengan lebih meluas.

#### 4.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, walaupun berjuang dalam tempoh masa yang berbeza dengan operasi tersendiri dan matlamat yang berlainan, namun masih wujud kesamaan di dalam elemen-elemen ideologi di dalam ketiga-tiga kumpulan radikal Islam di Malaysia iaitu JI, KMM dan Daesh. Persamaan aliran pemikiran ini dilihat menerusi elemen-elemen tauhid, bai'ah, hijrah, jihad dan *Daulah Islamiyah* dan menjadi antara faktor kukuh mengapa ideologi radikal ini dapat diterima mudah oleh penyokong-penyokong dari Malaysia. Penyimpangan yang jelas kepada tunjang elemen pertama ideologi gerakan radikal iaitu tauhid membawa implikasi besar kepada percanggahan elemen-elemen berikutnya dan perbezaan elemen inilah jelas yang membezakan perjuangan kumpulan radikal berbanding dengan apa yang dituntut di dalam ajaran ASWJ.

Mengambil iktibar atas apa yang berlaku di negara-negara Islam di AB terutama Iraq dan Syria yang terus bergolak kerana gerakan kumpulan-kumpulan radikal, rakyat Malaysia seharusnya lebih peka mengenai ancaman ideologi yang dibawa oleh kumpulan radikal khususnya yang terkini, Daesh, serta bersama-sama berganding bahu bersama semua pihak termasuk Kerajaan bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara dapat dipelihara. Diharapkan juga dengan kefahaman mengenai persamaan elemen-elemen di dalam ideologi kumpulan radikal Islam ini dapat membantu Kerajaan bagi merancang tindakan-tindakan proaktif dalam menguruskan ancaman keselamatan negara yang semakin kompleks dewasa ini.

#### RUJUKAN

- Al-Buthi, M.S.R. (2005). *Salafi: Sebuah fase sejarah bukan mazhab*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Al-Qahthani, M.S.I. (2013). *Al wala' wal bara': Loyalitas dan antiloyalistas dalam Islam (S. A. Sayid, Terj.)*. Solo, Indonesia: Pt Era Adicitra Intermedia.
- As-Suri, A.M.A. (2009). *Perjalanan gerakan jihad (1930-2002): Sejarah, eksperimen dan evaluasi (A. Suwandi, Terj.)*. Solo: Jazera.
- Ashour, O. (2009). *The de-radicaliation of jihadists: Transforming armed Islamist movements*. London: Routledge.
- Azzam, A. (1990). *Tarbiyah jihadiyah (Vol. 1)*. Peshawar: Maktab Khidmat Al-Mujahidin.

- Dabiq, Megazine. (2014a). *The flood (issue 2)*. Raqqa, Syria: Al Hayat Media Center.
- Dabiq, Megazine. (2014b). *The return of khalifah (issue 1)*. Raqqa, Syria: Al Hayat Media Center.
- Dabiq, Megazine. (2015). *The law of Allah and the law of men (issue 10)*. Raqqa, Syria: Al Hayat Media Center.
- Daud, R. (1998). *Islam dalam pelbagai dimensi*. Jakarta: Gema Insani Press.
- El-Muhammady, A. (2016). *Countering the threats of Daesh in Malaysia*. Singapore: RSIS.
- Gunaratna, R. (2005). *Ideology in terrorism and counter terrorism: Lessons from combating Al Qaeda and Jamaah Al Islamiyah in South East Asia*. Singapore: Tamaan Bacaan.
- Jabatan Perdana Menteri, JPM. (2014). Kertas putih: Ke arah menangani ancaman kumpulan Islamic State. Retrieved from <http://www.airforce.mil.my/images/PENERBITAN/kertasputihislamicstate.compressed.pdf>
- Kamarulnizam, A. (2009). Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) and Jemaah Islamiyah (JI): The links. *Journal of Policing, Intelligence and Counter Terrorism*, 4(1), 1-33.
- Kuntowijoyo, D. (1993). *Paradigma Islam: Interpretasi untuk aksi*. Bandung: Mizan.
- Mazlee, M., Mohd Afandi, S., Syed Mohd Radhi, S.S., Jufitri, J., Mohd Basri, I., & Abdul Basit, A.R. (2016). *IS/ISIL/Daesh/ISIS*. Selangor: Publishing House Sdn Bhd.
- Mohd Hizam, H. & Zamihan, M.Z.A.G. (2016). *Bahaya ISIS (Daesh)*. Negeri Sembilan: Al Himna Enterprise.
- Mohd Mizan, M.A. (2009a). The radical Islam in Southeast Asia: The connections between Malaysia Militant Group and Jemaah Islamiyah and its implications for regional security. *The International Journal of Humanities*, 7(1), 113-123.
- Mohd Mizan, M.A. (2009b). *A critical study of Kumpulan Militan Malaysia, its wider connections in the region and the implications of radical Islam for the stability of South East Asia*. (Unpublished doctoral thesis). Victoria University of Wellington, New Zealand.
- Nasir, A. (2006). *Membongkar Jamaah Islamiyah: Pengakuan mantan anggota JI*. Jakarta Selatan: Grafindo Khazanah Ilmu.
- Polis Di Raja Malaysia, PDRM. (2005). *Laporan ancaman pelampau militan: Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM)*. Bukit Aman: Kuala Lumpur.
- Polis Di Raja Malaysia, PDRM. (2016a). *Ringkasan laporan Jemaah Islamiyah (JI)*. Bukit Aman: Kuala Lumpur.
- Polis Di Raja Malaysia, PDRM. (2016b). *Statistik tangkapan di bawah Undang-Undang AKDN 1960 bagi kumpulan ekstremis agama yang bertindak militan di Malaysia*. Bukit Aman: Kuala Lumpur.
- Polis Di Raja Malaysia, PDRM. (2017). *Statistik terkini tangkapan kumpulan IS di Malaysia*. Kuala Lumpur: Bukit Aman.
- Ramakrishna, K. (2016). Reflections of a reformed jihadist: The story of Wan Min Wan Mat. *Contemporary Southeast Asia*, 38(3), 495-522.

- Rosiny, S. (2014). *The caliph's new clothes: The Islamic State in Iraq and Syria*. German: German Institute of Global and Area Studies.
- Samuel, T.K. (2016). *Radicalisation in Southeast Asia: A selected case study of Daesh in Indonesia, Malaysia and the Philippines*. Kuala Lumpur: SEARCCT.
- Singh, B. (2007). *The Talibanization of Southeast Asia: Losing the war on terror to Islamist extremists*. London: Praeger Security International.
- Singh, B. & Abdul Munir, M. (2015). *Regenerasi gerakan radikal dan terorisme dalam masyarakat yang semakin terbuka*. Yogyakarta: Metro Epistema.
- Solahudin, A. (2011). *NII sampai II: Salafy jihadisme di Indonesia*. Jakarta: Komunitas Bambu.
- Uberman, M. & Shay, S. (2016). Hijrah according to the Islamic State: An analysis of Dabiq. *Counter Terrorist Trends and Analysis*, 8(9), 16-20.
- Zulkarnain, H. & Nordin, H. (2013). A study of the salafi jihadist doctrine and the interpretation of jihad by Al Jama'ah Al Islamiyah. *Jurnal Kemanusiaan*, 20(2), 15-37.